**TENAGA NASIONAL BHD**

**lwn.**

**ARKITEK URBANISMA SDN BHD**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
HADHARIAH SYED ISMAIL PK
[RAYUAN SIVIL NO: R3-11B-195-2010]
9 DISEMBER 2010

***KEMUDAHAN-KEMUDAHAN AWAM:*** *Elektrik - Pembekalan - Usikan jangkameter elektrik oleh pengguna - Sama ada bertanggungan untuk membayar gantirugi - Pengiraan jumlah gantirugi oleh pembekal - Sama ada harus diterima sebagai betul - Sama ada tidak boleh dipertikai - Akta Bekalan Elektrik 1990, ss. 37, 38, 40*

***PERKATAAN & ISTILAH:*** *"mana-mana orang" - Akta Bekalan Elektrik 1990, s. 37(3) - Sama ada perlu diberikan tafsiran yang luas*

Tenaga Nasional Berhad ('perayu') dalam kes ini mendakwa bahawa dua jangkameternya yang dipasang di premis responden telah diusik oleh responden, berakibat caj penggunaan eletrik menjadi berkurangan dan menyebabkan kerugian kepadanya. Di Mahkamah Majistret, perayu menuntut kerugian sebanyak RM14,790.27. Tuntutan perayu bagaimanapun ditolak oleh Majistret atas alasan, antara lain, bahawa perayu gagal membuktikan kedua-dua meter berkenaan telah diusik dan jumlah yang dituntut perayu sebanyak RM14,790.27, yang dikira melalui kaedah pembilan ke belakang, adalah satu amaun yang tidak pasti dan merangkumi tempoh yang tidak pasti. Dalam rayuannya di sini, perayu secara intinya berhujah bahawa Majistret telah khilaf dalam keputusannya memandangkan: (i) terdapat surat akujanji berkenaan keberhutangan responden; (ii) responden telah pun membayar sebanyak RM2661.81 ke arah menyelesaikan jumlah tuntutan; dan (iii) responden gagal memanggil saksi pentingnya yang berurusan dengan perayu (Abu Sufian) bagi menyangkal keberhutangan responden.

**Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan keputusan Majistret; memasukkan penghakiman untuk perayu seperti tuntutan):**

**(1)** Undang-undang mengenai kecurian eletrik terkandung di bawah Akta Bekalan Eletrik 1990 ('Akta'). Peruntukan yang relevan bagi maksud rayuan ini adalah ss. 37(3), 38(5) dan 40. (perenggan 9)

**(2)** Dengan bantuan peruntukan s. 40 Akta, keterangan lisan perayu dan bukti-bukti dokumen serta gambar-gambar, suatu kes *prima facie* di bawah s. 37(3) Akta bahawa meter-meter telah diusik oleh

responden telah dibuktikan oleh perayu. Perkataan "mana-mana orang" di bawah s. 37 Akta harus diberikan tafsiran yang luas, yakni haruslah termasuk pengguna, orang yang mempunyai kawalan ke atas meter dan penghuni premis yang berdaftar dengan perayu. Dalam kes ini, responden adalah pengguna yang berdaftar dengan perayu. (perenggan 13)

**(3)** Peruntukan undang-undang yang membenarkan perayu membuat pembilan kebelakang dan prosedur bagi pengiraannya dinyatakan di bawah peraturan 6.1.0(a), (b) dan (c) Panduan Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran Bil C1/2006. Saksi-saksi perayu telah menjelaskan bagaimana mereka menyediakan bil kebelakang tersebut. Oleh itu jelas bahawa perayu telah mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan di bawah peraturan 6.1.0 dan kiraan yang dibuat mestilah dianggap betul dan tepat, kecuali dibuktikan sebaliknya oleh responden. (perenggan 15)

**(4)** Tidak keterlaluan jika dikatakan adalah mustahil untuk responden mempertikaikan amaun yang dituntut perayu kerana dalam kes sebegini hanya pekerja perayu sahaja yang tahu dan layak membuat perkiraan. Responden tidak berhak mempertikaikan atau menyoal kesahihan amaun yang dituntut perayu. (perenggan 15)

**(5)** Responden mengatakan terdapat unsur-unsur ugutan dan paksaan daripada perayu terhadap wakil responden, Abu Sufian, yang mengakibatkan bayaran sebanyak RM2661.81 dan surat akujanji. Abu Sufian bagaimanapun tidak dipanggil memberi keterangan. Kegagalan responden memanggil Abu Sufian ini dengan sendirinya menjadikan pengataan responden tidak dibuktikan dan perlu ditolak oleh mahkamah. (perenggan 16)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Claybricks & Tiles Sdn Bhd lwn. Tenaga Nasional Bhd [2006] 4 CLJ 892 CA* ***(dirujuk)***

*Leong Hup Poultry Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Berhad (Guaman Sibil No. 22-11-1999) (Unreported)* ***(dirujuk)***

*MBf Finance Bhd v. Sim Peng Bee & Anor [2003] 1 CLJ 690 HC* ***(dirujuk)***

*Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v. Chang Ching Chuen & Ors [1998] 1 CLJ 793 FC* ***(dirujuk)***

*Tan Kim Khuan v. Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd [1998] 1 CLJ (Supp) 147 HC* ***(dirujuk)***

*Tan Yeong Kim lwn. Tenaga Nasional Bhd [2000] 8 CLJ 629 HC* ***(dirujuk)***

*UN Pandey v. Hotel Marco Polo Pte Ltd [1978] 1 LNS 223 HC* ***(dirujuk)***

*Wong Chong Chow v. Pan-Malaysian Cement Works Bhd [1980] 1 LNS 89 FC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Contracts Act 1950, s. 71
Electricity Supply Act 1990, ss. 37(3), 38(5), 40

*Bagi pihak perayu/plaintif - Cik Norbaiti; T/n Zahir Razak & Co*
*Bagi pihak responden/defendan - Cik Sasha Lyna; T/n Vazeer Akbar Majid & Co*

*Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad*

## PENGHAKIMAN

**Hadhariah Syed Ismail PK:**

**Rayuan**

**[1]** Ini adalah rayuan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap keputusan Majistret bertarikh 16 Julai 2010 yang menolak dengan kos tuntutan TNB terhadap responden/ defendan untuk jumlah RM14,790.27 beserta faedah dan kos bagi penggunaan elektrik secara curang dan tidak direkodkan.

**Pliding**

**[2]** Kes TNB yang diplidkan ialah dua jangka meter TNB yang dipasang di premis responden telah diusik, menyebabkan bacaan meter tidak tepat, caj terkurang dan mengakibatkan kerugian kepada TNB. Jumlah RM14,790.27 dikira oleh TNB dengan menggunakan kaedah pembilan ke belakang.

**[3]** Tuntutan TNB dinafikan oleh responden. Pembelaan responden ialah mereka membeli premis tersebut dari pemilik terdahulu "on as is where is basis" dan tidak ada pengetahuan bahawa meter-meter TNB telah diusik. Responden menuntut TNB membuktikan tuduhan mereka terhadap responden.

**Keputusan Majistret**

**[4]** Dalam menolak tuntutan TNB, Majistret yang bijaksana memberikan alasan berikut:

(a) Plaintif telah gagal membuktikan kedua-dua meter diusik oleh defendan.

(b) Saksi plaintif, SP1 juga tidak menolak kemungkinan meter itu telah rosak kerana tidak pernah diperiksa oleh plaintif sejak tahun 1996.

(c) Plaintif tidak pasti tarikh sebenar meter-meter itu diusik.

(d) Pengiraan ke belakang bagi tempoh 23 Disember 2003 sehingga 30 November 2004 adalah satu amaun yang tidak pasti dan untuk suatu tempoh yang tidak pasti.

(e) Mengenai bayaran RM2661.81 oleh defendan, saksi plaintif sendiri memberitahu bahawa defendan tidak dimaklumkan mengenai bayaran ini yang diambil oleh plaintif dari akaun defendan untuk menjelaskan bayaran tunggakan.

**Alasan-alasan Rayuan**

**[5]** Majistret dikatakan terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila:

(a) Beliau hanya mendengar kes ini pada peringkat kes pembelaan. Kes ini seharusnya didengar oleh Majistret terdahulu.

(b) Gagal mengambilkira fakta bahawa terdapat bayaran sebanyak RM2661.81 oleh wakil defendan kepada plaintif sebagai bayaran penyelesaian jumlah tuntutan plaintif.

(c) Gagal mengambilkira bahawa terdapat rundingan antara pekerja defendan dan plaintif dan terdapat surat akujanji berkenaan keberhutangan defendan.

(d) Gagal mengambilkira bahawa terdapat cek-cek kosong yang telah ditandatangani oleh pengarah defendan (SD1) untuk urusan penyelesaian hutang.

(e) Menerima keterangan SD1 semata-mata sedangkan defendan gagal memanggil saksi penting iaitu En Abu Sufian untuk menyangkal pengakuan keberhutangan defendan.

**Isu**

**[6]** Sama ada keputusan Majistret disokong oleh keterangan yang dikemukakan di hadapannya?

**[7]** Adalah undang-undang mantap bahawa pihak yang membuat sesuatu pengataan memikul beban untuk membuktikannya; rujuk s. 101 Akta Keterangan 1950 dan kes-kes *UN Pandey v. Hotel Marco Polo Pte Ltd* [1978] 1 LNS 223; *Wong Chong Chow v. Pan-Malaysian Cement Works Bhd* [1980] 1 LNS 89; *Tan Kim Khuan v. Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd* [1998] 1 CLJ (Supp) 147 dan *MBf Finance Bhd v. Sim Peng Bee & Anor* [2003] 1 CLJ 690. Tidak seperti kecurian barangan yang boleh dipegang, bagaimanakah kecurian elektrik dibuktikan?

**Pengusikan Meter**

**[8]** Perayu bergantung kepada keterangan-keterangan berikut:

(a) Pemeriksaan fizikal meter-meter yang berkaitan di premis responden menunjukkan ada kejanggalan pada meter bagi akaun pertama iaitu voltage coil fasa biru dan kuning telah dipotong dan bagi akaun kedua, kejanggalan yang berlaku ialah ceper langsung tidak berpusing. Ceper pada meter juga bercalar. Saksi perayu (SP1) memberitahu mahkamah bahawa ceper hanya boleh bercalar jika skru pelarasan yang terdapat pada meter diusik dan skru tersebut hanya boleh diusik dengan menggunakan alat pemotong yang tajam.

(b) Ujian kejituan telah dibuat pada meter-meter itu dan didapati meter dalam keadaan tidak normal dan tidak mampu merekodkan penggunaan elektrik yang digunakan. Maklumat-maklumat semasa pemeriksaan diperturunkan dalam bentuk tulisan dan laporan yang kemudiannya dikemukakan di mahkamah sebagai eks. P1, P2, P3 dan P4.

(c) Gambar-gambar meter dan kejanggalan-kejanggalannya juga telah dikemukakan sebagai eks. P5 hingga P14.

(d) Pemeriksaan dibuat dengan kehadiran wakil responden.

(e) Suatu laporan polis mengenai kecurian elektrik juga telah dibuat.

**Undang-undang**

**[9]** Undang-undang mengenai kecurian elektrik terkandung di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta). Peruntukan yang relevan bagi maksud rayuan ini ialah ss. 37(3), 38(5) dan 40.

**[10]** Seksyen 37(3) Akta memperuntukkan:

> Mana-mana orang yang mengikut apa-apa dengan curang:
>
> (a) mengambil elektrik;
>
> (b) menggunahabis elektrik;
>
> (c) mengguna elektrik;
>
> (d) mengubahpinda indeks apa-apa meter atau alat lain yang digunakan di atas atau berkaitan dengan apa-apa pepasangan mana-mana pihak berkuasa bekalan atau mana-mana pepasangan berlesen untuk merekodkan keluaran atau pengguna-habisan elektrik; atau

A (e) menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian daripada merekodkan dengan sempurnanya keluaran atau penggunahabisan elektrik;

Adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara
B selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**[11]** Seksyen 38(5) Akta memperuntukkan:

Amaun yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis itu hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam pernyataan itu, menjadi genap
C masa dan kena dibayar kepada pemegang lesen dan jika tidak dibayar, amaun itu hendaklah didapatkan kembali melalui tindakan sivil di Mahkamah.

**[12]** Seksyen 40 Akta memperuntukkan:

D Dalam apa-apa pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 37(3) bukti mengenai:

(a) kewujudan kaedah-kaedah buatan, sama ada bersendirian atau beserta dengan kaedah buatan tambahan yang tidak dijumpai, yang boleh digunakan bagi mengubahpinda, atau memudahkan
E pengubahpindaan, indeks mana-mana meter atau alat yang digunakan bagi mencatatkan kuantiti elektrik yang dibekalkan;

(b) kewujudan kaedah-kaedah buatan, samaada bersendirian atau beserta dengan kaedah-kaedah buatan tambahan yang tidak dijumpai, yang akan menghalang atau memudahkan
F penghalangan, mana-mana meter atau alat daripada mencatatkan dengan sempurnanya, kuantiti elektrik yang dibekalkan, atau yang akan memudahkan pengambilan penggunahabisan, atau penggunaan elektrik dengan curang; atau

(c) (i) pemasangan apa-apa kaedah mekanik atau kaedah lain pada;

G (ii) ketiadaan atau pengalihan apa-apa bahagian atau sambungan daripada; atau

(iii) penggangguan apa-apa bahagian atau sambungan, apa-apa radas mengikut hal keadaan yang pemasangan ketiadaan, pengalihan atau penggangguan itu akan menghalang atau
H memudahkan penghalangan mana-mana meter atau alat lain daripada mencatatkan dengan sempurnanya kuantiti elektrik yang dibekalkan, atau yang akan memudahkan pengambilan, penggunahabisan atau penggunaan elektrik dengan curang.

I Hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa telah ada pengubahpindaan dengan curang indeks mana-mana meter atau alat, atau penghalangan, pengambilan, penggunahabisan atau berkenaan;

dan (A) bahawa pengubah pindaan, penghalang, pengambilan, pengguna-habisan atau penggunaan dengan curang itu mengikut mana-mana yang berkenaan telah dijalankan oleh:

(d) pengguna yang menggunakan meter atau alat itu;

(e) orang yang mempunyai kawalan ke atas pepasangan di mana ia terpasang; atau

(f) penduduk premis yang padanya meter atau alat itu dipasang.

**[13]** Dengan bantuan peruntukan s. 40 di atas, keterangan lisan saksi-saksi perayu beserta bukti-bukti dokumen dan gambar-gambar, suatu kes *prima facie* di bawah s. 37(3) Akta bahawa meter-meter telah diusik oleh responden telah dibuktikan oleh perayu. Perkataan "mana-mana orang" di bawah s. 37 itu harus diberikan tafsiran yang luas yakni haruslah termasuk pengguna, orang yang mempunyai kawalan ke atas meter dan penghuni premis yang berdaftar dengan perayu. Dalam kes ini responden adalah pengguna yang berdaftar dengan perayu.

**Pembilan Ke Belakang**

**[14]** Pembilan ke belakang bermaksud tuntutan penggunaan elektrik yang tidak direkodkan. Peruntukan undang-undang yang membenarkan perayu membuat pembilan ke belakang dan prosedur bagi pengiraannya dinyatakan di bawah Peraturan 6.1.0(a), (b) dan (c) Panduan Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran Bil C1/2006. Oleh kerana peruntukan ini agak panjang untuk disalin di sini, memadailah jika saya memetik peruntukan yang relevan sahaja.

6.1.0 Penyediaan Bil Ke belakang

Apabila terdapat bukti-bukti sahih bagi membuktikan bahawa satu kesalahan telah dilakukan di bawah seksyen 37(1) atau 37(3) atau 37 (14) ABE 1990, kehilangan hasil perlu dibuat tuntutan dengan menyediakan bil kebelakang.

Pengiraan bil ke belakang melibatkan perkara berikut:

(a) ...

(b) ...

(c) ...

**[15]** Saksi-saksi perayu telah menjelaskan bagaimana mereka menyediakan bil ke belakang seperti berikut. Bagi akaun pertama, ralat yang direkodkan adalah 64.51 % dan bagi akaun kedua, ralat yang direkodkan ialah 100%. Ini bermakna perayu mengenakan caj kepada responden kurang 64.51 % daripada jumlah sebenar penggunaan elektrik.

Ini juga bermaksud apa yang telah dibilkan kepada responden hanyalah sebanyak 35.5% sahaja daripada keseluruhan penggunaan elektrik. Dengan penjelasan itu, mahkamah ini mendapati bahawa perayu telah mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan di bawah peraturan 6.1.0 di atas dan kiraan yang dibuat mestilah dianggap betul dan tepat, kecuali dibuktikan sebaliknya oleh responden. Tidak keterlaluan jika saya katakan adalah mustahil untuk responden mempertikaikan amaun yang dituntut kerana dalam kes sebegini hanya pekerja perayu (TNB) sahaja yang tahu dan layak membuat kiraan. Bukannya responden ataupun mahkamah. Maka atas fakta kes ini, responden tidak berhak mempertikaikan atau menyoal kesahihan amaun yang dituntut oleh perayu.

**Surat Akujanji Responden**

**[16]** Keterangan menunjukkan terdapat rundingan antara wakil responden dengan perayu di pejabat perayu. Susulan dari rundingan itu, Pengurus Akaun Syarikat responden yang bernama Abu Sufian bin Abu Bakar bukan sahaja telah membayar RM2661.81 bagi menjelaskan amaun yang dituntut perayu, malah turut menandatangani surat akujanji berhutang. Responden menafikan Abu Sufian bin Abu Bakar mempunyai kuasa untuk menandatangani surat akujanji dan membuat bayaran. Seterusnya responden juga menyatakan terdapat unsur-unsur ugutan, gesaan dan paksaan daripada perayu terhadap wakil responden yang mengakibatkan bayaran dan surat akujanji itu dibuat. Abu Sufian tidak dipanggil memberi keterangan. Saksi responden, SD1 bukanlah pihak yang layak untuk mengatakan ada unsur paksaan kerana bukan beliau yang menandatangani surat akujanji atau terlibat secara langsung dalam rundingan itu. Oleh kerana responden yang berhasrat untuk membuktikan adanya unsur paksaan, maka beban untuk memanggil Abu Sufian terletak atas responden. Kegagalan responden memanggil Abu Sufian dengan sendirinya menjadikan pengataan responden tidak dibuktikan dan mesti ditolak oleh mahkamah. Soal Abu Sufian tidak ada kuasa untuk bertindak bagi pihak syarikat adalah hal dalaman syarikat yang tidak ada kaitan dengan perayu. Perayu tidak ada pengetahuan mengenai hal ehwal syarikat responden. Saya bersetuju dengan hujah peguam bijaksana perayu bahawa kepada perayu, Abu Sufian mempunyai kuasa bertindak bagi pihak syarikat responden dan segala tindakan wakil responden itu adalah mengikat mereka; rujuk *Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v. Chang Ching Chuen & Ors* [1998] 1 CLJ 793.

**Pendekatan Mahkamah**

**[17]** Kes-kes yang diputuskan terdahulu menunjukkan mahkamah cenderung untuk memihak kepada perayu/TNB dalam kes-kes kecurian arus elektrik. Mahkamah nampaknya berpendirian bahawa:

(i) Pekerja TNB sendiri yang patut menentukan sama ada suatu kesalahan di bawah Akta Elektrik telah dilakukan atau pun tidak; rujuk kes *Leong Hup Poultry Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Berhad*, Guaman Sibil No. 22-11-1999 (tidak diterbitkan).

(ii) Beban bukti untuk kecurian elektrik yang merupakan satu tindakan sivil tidaklah sama dengan kes kecurian biasa di bawah undang-undang jenayah dalam erti kata perlu dibuktikan pelakunya dan tarikh sebenar usikan itu berlaku. Dalam kes sebegini, TNB hanya perlu memberikan keterangan meter telah diusik dan keterangan itu menjadi keterangan *prima facie* satu kesalahan di bawah s. 37(3) Akta Elektrik 1990 telah dilakukan.

(iii) Pihak yang disaman tidak boleh mempersoalkan kuasa yang diberikan kepada perayu/TNB untuk menuntut bayaran-bayaran yang dikenakan terhadapnya apabila TNB telah membuat kiraan semula jumlah penggunaan elektrik yang sebenarnya; rujuk kes *Claybricks & Tiles Sdn Bhd lwn. Tenaga Nasional Bhd* [2006] 4 CLJ 892*; Tan Yeong Kim lwn. Tenaga Nasional Bhd* [2000] 8 CLJ 629.

(iv) Malah dalam kes-kes di mana TNB berpendapat ada keterangan bahawa arus elektrik dicuri, proses mahkamah tidak diperlukan untuk menentukan sama ada sesuatu kesalahan telah dilakukan sebelum TNB boleh bertindak memotong bekalan elektrik; rujuk *Claybricks & Tiles Sdn Bhd lwn. Tenaga Nasional Berhad* [2006] 4 CLJ 892*; Tan Yeong Kim lwn. Tenaga Nasional Berhad* [2000] 8 CLJ 629.

**Bekalan Elektrik Bukan Percuma**

**[18]** Perayu seterusnya berhujah bahawa responden berkewajipan untuk membayar penggunaan elektrik kerana TNB tiada niat untuk memberikan elektrik secara percuma. Perayu bergantung kepada s. 71 Akta Kontrak 1950 yang memperuntukkan:

> Jika seorang dengan secara sah melakukan sesuatu untuk seorang yang lain, atau menyerahhantarkan kepadanya, dengan tidak berniat untuk membuat sedemikian dengan percuma, dan orang yang lain itu menikmati faedah darinya, maka orang lain itu adalah terikat untuk memberi pampasan kepada orang yang disebut terdahulu itu, untuk benda yang dibuat atau diserahantar sedemikian itu, atau untuk memulangkannya.

**[19]** Saya bersetuju dengan hujahan perayu mengenai perkara ini. Seksyen 71 Akta Kontrak 1950 terpakai terhadap responden apabila telah dibuktikan bahawa responden telah menggunakan elektrik secara curang, caj yang dikenakan berkurangan dari penggunaan yang sebenarnya dan berlaku kekurangan bayaran. Sewajarnya responden membayar bagi elektrik yang telah diambil dan digunakan.

A

## Keputusan

**[20]** Setelah meneliti kandungan rekod rayuan, hujahan bertulis kedua-dua pihak dan nas undang-undang yang dikemukakan, saya mendapati Majistret bukan sahaja telah gagal menilai keterangan saksi-saksi perayu malah peruntukan undang-undang yang terpakai. Jika beliau memberi perhatian kepada s. 37(3), 38(5) dan 40 Akta Elektrik 1990, beliau semestinya akan membuat keputusan yang memihak kepada perayu. Atas fakta kes ini, jelas telah dibuktikan bahawa telah berlaku penggunaan elektrik secara curang. Maka keadilan memihak kepada rayuan perayu harus dibenarkan. Atas sebab-sebab yang dinyatakan, saya membenarkan rayuan ini dengan kos. Keputusan Majistret diketepikan. Penghakiman dimasukkan kepada perayu/plaintif sebagaimana yang dituntut dalam pernyataan tuntutan.

B

C

D

E

F

G

H

I